

Gaza: UPM serah sumbangan RM25,712

PUTRAJAYA 25 Jan. - Tabung Kemanusiaan Gaza Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya mengumpulkan sejumlah RM25,172 untuk diserahkan kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah telah menyampaikan sumbangan hasil kutipan seluruh staf dan pelajar UPM itu kepada Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin semasa Majlis Amanat Tahun Baru 2009 Kementerian Pengajian Tinggi yang diadakan di sini baru-baru ini.

Dr. Nik Mustapha berharap sumbangan UPM tersebut dapat mengurangkan penderitaan rakyat Gaza daripada kesan kekejaman Israel di Semenanjung Gaza, Palestin.

Tabung UPM itu merupakan sebahagian dana yang dikumpulkan KPT bersama semua IPTA, politeknik dan entiti di bawah KPT untuk Tabung Khas Bantuan Kemanusiaan Palestin.

Semua dana yang dikumpulkan itu diserahkan kepada Timbalan Setiausaha 2, Kementerian Luar, Datuk Mohd Kamal Yan Yahya bagi disalurkan kepada Tabung Khas Palestin.



PROF. Dr. Nik Mustapha R. Abdullah (kanan) menyerahkan sumbangan untuk rakyat Palestin yang dikumpulkan daripada kalangan kakitangan dan pelajar UPM kepada Mohamed Khaled Nordin pada Majlis Amanat Tahun Baru 2009 di Putrajaya, baru-baru ini.